




Kisah Rasul-Rasul 3





Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.



"RAJA HERODES SANGAT MURKA TERHADAP ORANG TIRUS DAN SIDON. OLEH ITU MEREKA DATANG BERSAMA UNTUK MENGHADAP RAJA HERODES KETIKA BAGINDA DI KAISAREIA."



DEWA YANG BERKATA-KATA, BUKAN MANUSIA.



AKU KESAKITAN!
TOLONG BETA...
KELUARKAN BETA DARI
SINI...

"PADA SAAT ITU JUGA MALAIKAT TUHAN MEMUKUL RAJA HERODES, KERANA RAJA TIDAK MENGHORMATI ALLAH."

"RAJA HERODES DIMAKAN CACING LALU MANGKAT."



"SEMENTARA ITU FIRMAN ALLAH SEMAKIN TERSEBAR LUAS DAN BANYAK ORANG PERCAYA KEPADA YESUS."

"SETELAH BARNABAS DAN SAULUS MENYELESAIKAN TUGAS, MEREKA KEMBALI DARI YERUSALEM DAN MEMBAWA SERTA YOHANES MARKUS."

DENGAN PENYEBARAN INJIL, FIRMAN
YESUS TELAH MENGUBAH HIDUP ORANG.

BARNABAS DAN PAULUS KEMBALI KE ANTIOKHIA
DAN MEMBAWA SERTA SEPUPU MUDA BARNABAS,
IAITU YOHANES MARKUS.



DI KALANGAN JEMA'AH DI ANTIOKHIA
TERDAPAT BEBERAPA PEMIMPIN YANG
BERBANGSA YUNANI DAN AFRIKA.

SEMENTARA MEREKA
BERIBADAT DAN BERPUASA,
ROH ALLAH BERKATA:

PILIH LAH BARNABAS
DAN SAULUS KHAS UNTUK
MENJALANKAN TUGAS
BARU DARI-KU.

TUHAN, SERTA
DAN PIMPIN MEREKA
SEMENTARA MEREKA
MEMBERITAKAN INJIL
RAJA YESUS KE
SELURUH DUNIA!



BARNABAS DAN SAULUS BELAYAR KE PULAU
SIPRUS BERSAMA YOHANES MARKUS.



DI SALAMIS, KOTA ASAL BARNABAS, MEREKA
MENYAMPAIKAN FIRMAN ALLAH DI RUMAH IBADAT ORANG YAHUDI.



PAULUS DITERIMA BAIK KERANA KEPAKARAN-NYA TENTANG
ALKITAB SERTA PENGALAMAN SEBAGAI SEORANG FARISI.

DI PAFOS, SIPRUS, GABENOR PULAU TERSEBUT
MENJEMPUT BARNABAS DAN SAULUS, KERANA
DIA INGIN MENDENGAR FIRMAN ALLAH.

TETAPI BARNABAS DAN SAULUS DITENTANG
OLEH ELIMAS, SEORANG AHLI SIHIR YANG
CUBA MENGHALANG SERGIUS PAULUS
PERCAYA KEPADA YESUS.

KAMU
BERDUSTA
TENTANG SI
YESUS INI!!

KAMU ANAK IBLIS!
KAMU MUSUH SEGALA
APA YANG BAIK.

KAMU AKAN
DIHUKUM TUHAN
MENJADI BUTA!

TOLONG!
TOLONG!

SAYA HANYA
MENGHARAP UNTUK
MENDENGAR TENTANG
YESUS...

TETAPI
SEKARANG SAYA
MELIHAT
KUASA-NYA
BEKERJA!

KEMUDIAN, PAULUS,
BARNABAS DAN YOHANES
MARKUS BELAYAR KE
KOTA PERGA.

BARNABAS,
SAYA TIDAK DAPAT
MENERUSKAN
PERJALANAN INI.

IBU SAYA
SENDIRIAN... SAYA
HARUS KEMBALI KE
YERUSALEM.

TUHAN
MENYERTAI-MU,
YOHANES
MARKUS.

YOHANES MARKUS
RINDU AKAN RUMAH.

YOHANES
MARKUS TERLALU
CEPAT BERPUTUS
ASA!

INI SATU
PERJALANAN YANG
JAUH, DAN DIA RISAU
AKAN IBUNYA.

SAYA TIDAK
MEMPUNYAI MASA
UNTUK MEREKA YANG
MENGETEPIKAN
PEKERJAAN TUHAN!

INJIL TENTANG
PENGAMPUNAN YANG
KITA KHABARKAN INI?

YA?

APA KATA KITA
AMALKAN JUGA?

MERENTASI PERGUNUNGAN
TAURUS YANG TERKENAL DENGAN
PARA PEROMPAK...

...PAULUS DAN BARNABAS
MELANJUTKAN PERJALANAN KE KOTA
ANTIOKHIA DI PISIDIA.



KELETIHAN, MEREA
MELUANGKAN HARI SABAT
DI RUMAH IBADAT.

SAUDARA-SAUDARA,
JIKA ADA NASIHAT UNTUK
MENGALAKKAN ORANG DI
SINI, SILALAH KATAKAN.



DIA TIDAK MENYANGKA PAULUS
AKAN MENGAMBIL PELUANG ATAS
JEMPUTAN ITU!



SAUDARA-SAUDARAKU YANG
TAAT KEPADA ALLAH,
DENGARLAH!

ALLAH MENYELAMATKAN ISRAEL DARI
TUJUH BANGSA DI TANAH KANAAN DAN
MENJADIKAN NEGERI ITU MILIK
UMAT-NYA.

ALLAH MENJADIKAN
DAUD RAJA MEREKA; YESUSLAH
KETURUNAN DAUD, DAN ALLAH
MENJADIKAN DIA RAJA ATAS SEMESTA!

PARA PEMIMPIN YERUSALEM
MENGHUKUM YESUS MAKA BERLAKULAH
APA YANG SUDAH DIKATAKAN OLEH
NABI-NABI.



MEREKA
MENJATUHKAN
HUKUMAN MATI KE ATAS
YESUS TETAPI ALLAH
MEMBANGKITKAN DIA
DARIPADA KEMATIAN.
RATUSAN ORANG TELAH
MELIHAT YESUS YANG
TELAH BANGKIT ITU.

KAMI DI SINI UNTUK MENYAMPAIKAN
BERITA BAIK INI KEPADA KAMU: YESUS
DIHUKUM UNTUK DOSA-DOSA KITA;

ALLAH
MEMBANGKITKAN DIA
DARIPADA KEMATIAN;
DIA HIDUP!



KEMUDIAN PAULUS MEMBACAKAN AYAT ALKITAB YANG SAMA
SEPERTI YANG DIUCAPKAN OLEH STEFANUS SEBELUM DIREJAM!



MELALUI YESUS,
BERITA TENTANG
PENGAMPUNAN DOSA SUDAH
DISAMPAIKAN KEPADA
SAUDARA SEMUA.

PERBUATAN BAIK TIDAK
DAPAT MENYELAMATKAN KITA,
TETAPI MELALUI ANUGERAH
RAHMAT-NYA DAN IMAN KITA.

RAMAI YANG MENERIMA YESUS,
MENGAKUI DOSA MEREKA DAN
MENJADI ANAK-ANAK TUHAN!

PAULUS DAN BARNABAS DIUNDANG
UNTUK KEMBALI BERBICARA LAGI.



PADA HARI SABAT BERIKUTNYA, APABILA ORANG
YAHUDI MELIHAT ORANG RAMAI ITU, MEREKA IRI HATI.

BERANI KAMU
MEMBAWA MASALAH
KE DALAM RUMAH
IBADAT!

ORANG-ORANG
INI MEREPEK!

MEREKA DATANG
UNTUK MENIPU
DAN MEROMPAK
KAMU!



FIRMAN ALLAH MEMANG HARUS
DISAMPAIKAN KEPADA KAMU
TERLEBIH DAHULU, TETAPI KERANA
KAMU MENOLAK FIRMAN-NYA,
KAMI AKAN PERGI KEPADA
BANGSA LAIN.

TENTANG MESIAS, NABI
YESAYA BERKATA 'AKU SUDAH
MENETAPKAN SUPAYA KAMU
MENJADI CAHAYA BAGI BANGSA
BUKAN YAHUDI, DAN MELALUI
KAMU, ALLAH AKAN MENYELAMAT-
KAN SELURUH DUNIA.'



YESUS DAN PARA RASUL-NYA ADALAH ORANG YAHUDI.
APABILA ORANG BUKAN YAHUDI MENDENGAR
KATA-KATA ITU, MEREKA BERSUKACITA DAN
MEMUJI FIRMAN TUHAN.

MEREKA YANG SUDAH DIPILIH OLEH ALLAH
UNTUK MENERIMA HIDUP SEJATI DAN KEKAL,
PUN PERCAYA KEPADA YESUS.

TETAPI ORANG YAHUDI MENGHASUT PEMBESAR-PEMBESAR KOTA ITU UNTUK MENENTANG PAULUS DAN BARNABAS.

KAMI TIDAK INGIN GOLONGAN KAMU DI SINI. KAMU MEROSAKKAN RAKYAT KAMI!

PERGI DAN JANGAN KEMBAL!!

TETAPI PENGIKUT-PENGIKUT YESUS DI ANTIOKHIA SANGAT BERSUKACITA DAN MEREKA DIKUASAI OLEH ROH ALLAH.

MEREKA PERGI KE IKONIUM DAN TERUS MENGAJAR TENTANG YESUS SEBAGAI MESIAS.

NAMUN YANG TIDAK PERCAYA MENGHASUT ORANG UNTUK MENENTANG MEREKA.

MEREKA PENIPU!

AJARAN SESAT! ORANG ANEH!

PENGHASUT!

SEPERTI YANG DINUBUATKAN YESUS, INJIL TELAH MENYEBABKAN PERPECAHAN DI ANTARA TERANG DAN GELAP.

MEREKA BERSUBAHAT UNTUK MEREJAM KAMU ESOK. SEBELUM TENGAH HARI!!

TUHAN AKAN MELINDUNGI KAMI.

TAPI TUHAN MENGIZINKAN STEFANUS DIREJAM. SUDAH TENTU KAMI TIDAKLAH LEBIH BAIK DARI DIA.

TIDAK. SAYA JAUH LEBIH TERUK.

PAULUS DAN BARNABAS MELARIKAN DIRI
PADA WAKTU MALAM, MENUJU KE LISTRA.

BINTANG ORION DAN
BINTANG TUJUH PLEIADES.
AYUB DAN AMOS PERNAH
MENYEBUT TENTANG MEREKA,
DAN TUHAN MEMPAMERKANNYA
UNTUK KAMI SEKARANG.

TERIMA KASIH,
TUHAN, ENKAU
BERBICARA MELALUI
KEAGUNGAN
CIPTAAN-MU!

KAMI LETIH DAN LEMAH,
TUHAN, TETAPI ENKAU
BESAR DAN KUAT. TUNJUKKAN-
LAH RANCANGAN-MU BAGI
KAMI.



SETELAH TIDUR UNTUK
BEBERAPA JAM, PAULUS DAN
BARNABAS TIBA DI JALAN
KOTA LISTRA

SAYA
TIDAK PERNAH
BERJALAN.
BOLEHKAH
YESUS INI
MENYEMBUHKAN
SAYA?

BERDIRILAH!







TANPA AMARAN, PEMIMPIN-PEMIMPIN
AGAMA DARI IKONIUM MENOLAK MELALUI
ORANG RAMAI DI SITU.



BENARLAH KATA
MEREKA BAHAWA
MEREKA BUKANLAH
DEWA-DEWA!

PAULUS TIDAK
BERKATA-KATA
MEWAKILI TUHAN! DIA
PEMBOHONG!



KAMU MAHU
MENYENANGKAN PARA
DEWA KAMU?
KORBANKANLAH
PAULUS, BUKANNYA
LEMBU JANTAN.



DIPENGARUHI OLEH PARA FARISI,
ORANG RAMAI TIBA-TIBA
MENENTANG PAULUS...

...DAN SEPERTI YANG DILAKUKAN TERHADAP STEFANUS, MEREKA MENGHERET PAULUS...





PAULUS BEREHAT PADA MALAM ITU, DAN MENERUSKAN PERJALANAN KEESOKAN HARINYA.



SEPERTI YANG KAMU PERHATIKAN, PAULUS TIDAK MALU BERKONGSI TENTANG IMAN-NYA!

DAN TIDAK TAKUT AKAN MEREKA YANG MENENTANG DIA.

MEREKA BERANGKAT KEMBALI MELALUI PISIDIA.

BAHKAN KEMBALI KE KOTA-KOTA DI MANA MASALAH MEREKA BERMULA.

ORANG YANG PERCAYA DI SERATA TEMPAT MENIKMATI ANUGERAH ALLAH KEPADA ORANG BUKAN YAHUDI MELALUI KHABAR BAIK PAULUS.



SETELAH BERADA DALAM PERJALANAN YANG JAUH, PAULUS DAN BARNABAS KEMBALI KE YERUSALEM, TEPAT PADA WAKTU BERLAKUNYA KONTROVERSI BARU.

DENGAN ANUGERAH RAHMAT TUHAN, KITA MEMPUYAI SAUDARA DAN SAUDARI SEIMAN DI SELURUH ASIA.

ANAK-ANAK TUHAN HARUSLAH MENAATI PERATURAN TUHAN!

MEREKA JUGA HARUS BERSUNAT SEPERTI YANG DIPERINTAHKAN TUHAN!

INGATKAH KAMU TENTANG PENGLIHATAN DARI TUHAN TENTANG KORNELIUS, ORANG BUKAN YAHUDI ITU?

TUHAN TELAH MENYINGKIRKAN PERBEZAAN DI ANTARA KITA. ALANGKAH BERANINYA KITA MENGHARAPKAN MEREKA MENGIKUT PERATURAN YANG KITA SENDIRI TIDAK MAMPU PENUHI?

KAMI TELAH MENDENGAR SEMUA MUKJIZAT YANG DILAKUKAN PAULUS SEPANJANG PERJALANAN-NYA. SEKARANG, ORANG BUKAN YAHUDI ADALAH KELUARGA KITA JUGA. MARILAH KITA MENGGALAKKAN IMAN MEREKA - JANGANLAH MEMBEANI MEREKA!

KEMUDIAN, SUATU MUKJIZAT BERLAKU...

SEMUA BERSETUJU!

SEKUMPULAN ORANG, TERMASUK PAULUS, TELAH DIUTUS KE ANTIOKHIA LALU MENYAMPAIKAN SURAT ITU DAN MEREKA BERSUKACITA.

PAULUS DAN RAKAN
SEPERJUANGANNYA
MERASAKAN SUDAH TIBA
SAATNYA UNTUK MELAKUKAN
PERJALANAN KE...

...KOTA-KOTA DI ASIA.
MARILAH KITA MELAWAT
SAUDARA-SAUDARI SEIMAN
KITA DI SANA!

SETUJU! SAYA
JUGA MEMIKIRKAN
HAL YANG SAMA!

YOHANES
MARKUS AKAN
IKUT SERTA!

BELUMKAH
KAMU MEMAAFKAN
SEPUPU SAYA ITU?

PANDANGAN SAYA
TENTANG YOHANES
MARKUS TETAP SAMA.
DIA TELAH MENINGGAL-
KAN KAMI!

TETAPI TUHAN TETAP MEMAKAI MEREKA MELALUI
KONFLIK INI UNTUK MENYEBARKAN FIRMAN-NYA.

DENGAN RESTU GEREJA, MEREKA PERGI.

BARNABAS BELAYAR KE SIPRUS
BERSAMA YOHANES MARKUS...

...MANAKALA PAULUS KE ARAH UTARA,
DAN MEMILIH SILAS UNTUK MENYERTAINYA.




MEREKA BERANGKAT KE DAMASKUS DAN
MENJELAJAHI DAERAH SIRIA DAN KILIKIA,
SERTA MENGUATKAN JEMA'AH DI SITU.



DALAM PENJELAJAHAN PAULUS, DIA SERING MENDENGAR CERITA YANG BAIK-BAIK TENTANG ANAK MUDA YANG BERNAMA TIMOTIUS.



AKHIRNYA DIA BERJUMPA DENGAN TIMOTIUS DI LISTRA. TIMOTIUS BERSETUJU UNTUK MENGIKUT PAULUS, MENYEBARKAN KHABAR BAIK MERENTASI ASIA, DAN MEMBAWA ORANG UNTUK MENGENAL YESUS.



ALANGKAH LUAR BIASANYA,
SEKARANG SAYA MENJADI
TEMAN SEPERJUANGAN.

DAN KITA AKAN
KEMBALI KE NEGERI
ASALKU... YUNANI!

KAMI LANGSUNG BELAYAR MENUJU KE FILIPI DAN
TINGGAL DI SANA UNTUK BEBERAPA HARI.

PADA HARI SABAT KAMI KE LUAR BANDAR DAN
PERGI KE TEPI SUNGAI, UNTUK BERDOA, DI MANA
ADA WANITA-WANITA YANG BERKUMPUL DI SITU.

PAULUS, TANPA RASA TAKUT,
MULAI BERICARA.

KOTORAN BOLEH
DIBERSIHKAN DARI
PAKAJIAN DI DALAM
SUNGAI...

...NAMUN SAYA
MAHU MENCERITA-
KAN BAGAIMANA
DOSA BOLEH
DIBERSIHKAN DARI
JIWA...

SEORANG PENDENGAR BERNAMA LIDIA, PEDAGANG
KAIN UNGU YANG MAHAL, SERTA MERTA PERCAYA
KEPADA YESUS, SEOLAH-OLAH DIA SUDAH LAMA INGIN
MENDENGAR KHABAR BAIK INI.

LIDIA DAN SEISI
RUMAHNYA DIBAPTIS.

MARILAH
MENUMPANG DI
RUMAH SAYA!

TIDAK MUNGKIN KAMI AKAN MENOLAK TEMPAT TIDUR
YANG SELESA DAN MAKANAN YANG ENAK.

DAN MAKANAN YUNANI YANG CUKUP LAZAT! LIDIA DAN
PARA TUKANG MASAKNYA SANGGUP MEMASAK!!



DALAM PERJALANAN KE TEMPAT BERDOA, KAMI BERJUMPA DENGAN SEORANG PERAMAL NASIB YANG BERTERIAK:

LIHATLAH ORANG-ORANG INI...



...MEREKA HAMBA ALLAH YANG MAHA TINGGI...




...MEREKA DATANG UNTUK MEMBERITAHU BAGAIMANA ALLAH DAPAT MENYELAMATKAN KAMU!

WANITA YANG DIRASUK ROH JAHAT INI BUKANLAH SOKONGAN YANG KITA CARI!




SELAMA BEBERAPA HARI WANITA ITU TERUS BERSERU DEMIKIAN SEHINGGA PAULUS MENJADI MARAH.

DEMI NAMA YESUS KRISTUS AKU MEMERINTAH ENGAU KELUAR DARIPADA WANITA INI!!



WANITA ITU DIKUASAI IBLIS! TUHAN TELAH MENGGUNAKAN PAULUS UNTUK MENYELAMATKAN DIA!





SAYA
DIPERINTAHKAN
UNTUK MEMENJARA-
KAN KAMU.

TIADA SESIAPA
YANG BOLEH LARI!



AKU BERLINDUNG
PADA-MU, YA TUHAN,
JANGAN BIARKAN AKU
DIPERMALUKAN. ENKAU
ALLAH YANG ADIL;
SELAMATKANLAH AKU!

DENGARLAH AKU!
SELAMATKANLAH AKU DENGAN
SEGERA! JADILAH PENAUNGKU
UNTUK MELINDUNGI AKU, DAN
PEMBELAKU UNTUK
MENYELAMATKAN AKU.



NYANYIAN?



MEREKA
BERNYANYI?



APA..???!!!

RRUMBLE

SELEPAS GEMPA BUMI,
APABILA DIA NAMPAK
PINTU-PINTU PENJARA TERBUKA,
DIA MENYANGKA SEMUA ORANG
TAHANAN SUDAH LARI.



HIDUPKU
BUKAN SATU DINAR
HARGANYA!

TUNGGU!



JANGAN BUNUH
DIRI! KAMI SEMUA
MASIH DI SINI!



TUAN-TUAN,
APA YANG HARUS SAYA
LAKUKAN SUPAYA
DISELAMATKAN?

PERCAYALAH KEPADA
TUHAN YESUS...

...DAN KAMU
AKAN DISELAMAT-
KAN - KAMU DAN
KELUARGAMU!

LALU PAULUS MENERANGKAN
FIRMAN TUHAN.

DAN SEMUA MEREKA
SEKARANG PERCAYA KEPADA
ALLAH - MUKJIZAT YANG JAUH
LEBIH HEBAT DARI GEMPA!



TERIMA KASIH
KERANA MEMBERSIHKAN
LUKA TUBUH
KAMI.

SEKARANG KAMI
MEMBAPTISKAN KAMU
UNTUK MERAYAKAN
PENYEMBUHAN YESUS KE
ATAS LUKA JIWA KALIAN.



TERIMA KASIH TUHAN,
BUAT BANDUAN YANG
BERNYANYI DAN GEMPA
BUMI!



BEBAHKAN BANDUAN
YANG BERNAMA PAULUS
DAN SILAS!

TUAN BERDUA
DIBEBASKAN...PERGILAH
DENGAN SEJAHTERA!



KAMI SUDAH
DICAMBUK DI HADAPAN
ORANG RAMAI. SEKARANG
MEREKA MAHU MENYURUH
KAMI PERGI DENGAN
DIAM-DIAM?

PEGAWAI-PEGAWAI
KERAJAAN ROMA ITU
SENDIRI HARUS KE MARI
DAN MEMBEBAHKAN
KAMI.



KAMI WARGANEGARA
ROMA! KAMI
DIPENJARAKAN TANPA
PEMBICARAAN.

KAMI TIDAK TAHU.
MAAFKANLAH KAMI!

KAMI SENDIRI
AKAN MEMBAWA
KAMU KELUAR
DARI KOTA!

LALU, PAULUS DAN SILAS BEBAS
UNTUK MELAWAT SAUDARA-SAUDARI
SEIMAN MEREKA.

PAULUS, SILAS DAN TIMOTIUS MENERUSKAN PERJALANAN MERENTASI MAKEDONIA KE TESALONIKA.

SAYA TETAP TINGGAL DI FILIPI DAN BERHARAP SUATU HARI NANTI AKAN MENYERTAI PAULUS LAGI.

SESEORANG YANG DAHULUNYA SAYA BENCI, SEKARANG MENJADI TEMAN AKRAB.



DI TESALONIKA, PAULUS BERKHUTBAH PADA TIGA HARI SABAT TENTANG BAGAIMANA YESUS MEMENUHI NUBUATAN NABI.

PENYELAMAT YANG DIUTUS OLEH ALLAH HARUS MENGALAMI PENDERITAAN DAN BANGKIT DARIPADA KEMATIAN.



TETAPI ORANG YAHUDI IRI HATI, MEMBENTUK KUMPULAN PERUSUH UNTUK Mencari Paulus dan Silas.

YASON!
BUKA PINTU!

SERAHKAN
PENGAJAR
SESAT ITU!




MEREKA SUDAH
MENIMBULKAN
KEKACAUAN DI SERATA
TEMPAT.


YASON MENYAMBU
MEREKA DI RUMAHNYA DAN
PERCAYA AJARAN SESAT
MEREKA!



INI MENIMBULKAN KECEMASAN DI KALANGAN PIHAK BERKUASA KOTA ITU, TETAPI MEREKA MENYURUH YASON DAN PENGIKUT YESUS LAINNYA MEMBAYAR IKAT JAMIN LALU MEREKA DIBENARKAN PERGI.



SEKALI LAGI PAULUS DAN
TEMAN-TEMAN MELARIKAN
DIRI KE BARAT--



--KALI INI KE BEREÄ, DI MANA ORANG DI SITU LEBIH TERBUKA DAN
RAJIN MENGAJI ALKITAB UNTUK MENGETAHUI SAMÄ ADA AJARAN
PAULUS ITU BENAR ATAU TIDAK.



MALANGNYA,
PERMASALAHAN DI
TESALONIKA MENGIKUTI
MEREKA...

MEREKA PUN DATANG DAN MULA
MENGHASUT ORANG RAMAI SUPAYA MERUSUH.



SILAS DAN TIMOTIUS TETAP
TINGGAL MANAKALA PAULUS
DIHANTAR KE ATENA.

HATI PAULUS SEDIH MELIHAT KOTA ITU
PENUH DENGAN PATUNG-PATUNG BERHALA.



SETELAH ITU PAULUS MENINGGALKAN
ATENA DAN PERGI KE KORINTUS.

KOTA YANG STRATEGIS INI
MERUPAKAN PUSAT PERDAGANGAN
DAN KEJAHILAN.

SETIAP JENIS PERDAGANGAN
BERKEMBANG MAJU.

DI SITU DIA BERJUMPA DENGAN AKWILA
DAN PRISKILA, PEMBUAT KHEMAH.

PAULUS, KAMU
HEBAT JUGA YA!

SAYA TINGGAL
DI TARSUS, YANG
MELIMPAH DENGAN
KULIT BULU KAMING
YANG TERBAIK.

AYAH SAYA
MENGAJAR
SAYA.

DIA PASTI
BANGGA.

YA...
DULU...

SEKARANG?

BAGI DIA
SAYA SUDAH
MATI.


KAMI DATANG KE KORINTUS
KERANA KAISAR KLAUDIUS
MENGUSIR SEMUA ORANG
YAHUDI DARI ROMA.

KAMU PULA,
PAULUS?

SAYA DI SINI AKIBAT
RANCANGAN KAISAR YANG
HANYALAH TITISAN AIR BAGI
TANGAN TUHAN.

APABILA PAULUS TIDAK MEMBUAT KHEMAH, DIA BERKHUTBAH DI RUMAH-RUMAH IBADAT SEKITAR KORINTUS.





TITIUS YUSTUS!
ADAKAH KAMU DI
RUMAH?



PAULUS!

KENAPA KAMU
KELIHATAN SEPERTI
ADA TEBUAN YANG
MASUK KE SELENDANG
DOAMU!



KRISPUS,
KETUA RUMAH
IBADAT ITU!

...DIA TELAH
BERPALING DARI
AJARAN DIA SENDIRI!



MIRIP SEKALI
DENGAN CERITA TENTANG
SEORANG PENDERHAKA
BERNAMA SAULUS YANG
PERNAH SAYA
DENGAR.



PADA MALAM ITU.



SUMPAHAN PAULUS INI!

TULISAN YESAYA INI SUGGUH MENYEKSA SAYA.



MENGAPA PULA TULISAN ALKITAB BOLEH MENGANGGU FIKIRAN SEORANG KETUA RUMAH IBADAT?

MUNGKIN... MUNGKINKAH YESUS INI ADALAH MESIAS YANG DIJANJIKAN?

KITA HARUS BERJUMPA DENGAN PAULUS INI...



KRISPUS, SERTA SEMUA ANGGOTA KELUARGANYA PERCAYA KEPADA TUHAN YESUS.




WALAUPUN BANYAK PENENTANGAN, PAULUS DAN TEMAN-TEMAN MENOLONG RAMAI ORANG PERCAYA KEPADA YESUS LALU DIBAPTIS.

SUATU MALAM, YESUS DATANG KEPADA PAULUS DAMA SEBUAH MIMPI.

JANGANLAH TAKUTI BERKATA-KATALAH TERUS DAN JANGAN BERHENTI.

AKU MENYERTAI ENKAU. TIDAK SEORANG PUN DAPAT MENCEDERAKAN ENKAU, KERANA BANYAK ORANG DI KOTA INI UMAT-KU.





PAULUS TINGGAL DI KORINTUS SELAMA SETAHUN SETENGAH, DAN MENGAJAR KHABAR DARIPADA ALLAH KEPADA ORANG DI SITU.



DIA TINGGAL SEBENTAR DI EFESUS, LALU KE YERUSALEM DAN KEMBALI KE ANTIOKHIA.

KEMUDIAN, DIA MENGUNJUNGI DAERAH GALATIA DAN FRIGIA UNTUK MENEGUHKAN IMAN SEMUA PENGIKUT YESUS DI SITU.

PRISKILA DAN AKWILA BERLAYAR BERSAMA PAULUS KE EFESUS DAN TINGGAL DI SANA. KEMUDIAN DIA KE ANTIOKHIA.

TUHAN MENGIRIMKAN ANAK-NYA UNTUK MENGHAPUSKAN DOSA KITA.

INILAH SUKACITA BESAR DARI KHABAR BAIK INI - SEMUA YANG PERCAYA AKAN DISELAMATKAN!



YESUS, RAJA ITU, MEMENUHI SEMUA NUBUATAN DALAM ALKITAB.

JANJI HIDUP KEKAL ADALAH UNTUK SEMUA ORANG DARI SETIAP BANGSA!



INILAH PENGKHUTBAH TENTANG YESUS YANG PALING FASIH YANG PERNAH SAYA DENGAR.

DAN NAMANYA PUN KITA TIDAK PERNAH DENGAR!



KAMI TELAH MENDENGAR KAMU DAN INGIN SEKALI BERBICARA DENGAN KAMU!

SAYA APOLOS, DARI ALEKSANDRIA, MESIR.



PRISKILA DAN AKWILA MENYEDARI BAHAWA WALAUPUN BESAR SEMANGAT-NYA--

--ADA PERKARA YANG TIDAK DIKETAHUI APOLOS.

...SAYA TELAH MENGHABISKAN CUKUP BANYAK MASA DI PERPUSTAKAAN DI ALEKSANDRIA.

NAMUN SEMUA PENGETAHUAN INI TIDAK MEMBAWA SAYA KEPADA TUHAN.

TETAPI KETIKA SAYA MENDENGAR INJIL TENTANG YESUS, HIDUP SAYA BERUBAH..



MEREKA PUN MENERANGKAN PENYELAMATAN ALLAH MELALUI YESUS DENGAN LEBIH TEPAT LAGI.

BERSAMA PAULUS, APOLOS MENJADI SALAH SEORANG PEMBAWA FIRMAN TUHAN YANG TERKEMUKA.



"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."



SUPERBIBLE.TV